

**บทความวิจัย****กระบวนการและขั้นตอนในการยกเลิกการแต่งงานที่ระบุไว้ในการบริหารงาน  
ของกฎหมายอิสลามสิงคโปร์**

มะห์ยุดิน หะมะ \*

ซูลีซา กุสรีน \*\*

**บทคัดย่อ**

การศึกษาครั้งนี้มีวัตถุประสงค์เพื่อศึกษากระบวนการและขั้นตอนในการยกเลิกการแต่งงานที่ระบุไว้ในการบริหารงานของกฎหมายอิสลามสิงคโปร์ การศึกษาครั้งนี้ใช้วิธีการวิเคราะห์ข้อมูลที่ใช้การสัมภาษณ์และรูปแบบการร้องเรียนที่ปรากฏขึ้นในกรมศาสนาของประเทศสิงคโปร์ ผลที่ได้จากการศึกษาครั้งนี้พบว่าขั้นตอนที่ต้องทำโดยผู้สมัครสำหรับการยกเลิกการแต่งงาน เช่น ผ่านการลงทะเบียน เพื่อสำหรับการหย่าร้าง หรือการร้องเรียนถึงศาลผู้พิพากษา จากนั้นเข้าสู่กระบวนการกักขังการพิจารณาข้อพิพาทตามขั้นตอนของ PTC และการพิจารณาคดีทั่วไป ผลการวิจัยในครั้งนี้มีผลต่อประชาชนสิงคโปร์อย่างยิ่ง เพื่อให้รู้ข้อเท็จจริงของกฎหมายและสิทธิครอบครัวอิสลามได้รับความคุ้มครองและได้รับความเป็นธรรม

**คำสำคัญ:** การยกเลิกการแต่งงาน, กฎหมายอิสลาม, สิงคโปร์

\* นักศึกษาระดับปริญญาเอก สาขาวิชากฎหมายอิสลามและการตุลาการ คณะอิสลามศึกษา (UKM)

\*\* รองศาสตราจารย์ประจำสาขาวิชากฎหมายอิสลามและการตุลาการ คณะอิสลามศึกษา (UKM)

## RESEARCH

***The process of Dissolution of Marriage Procedures Provided for in The Administration of Islamic Law in Singapore****Mahyidin Hamat*<sup>\*</sup>*Zuliza Kusrin*<sup>\*\*</sup>**Abstract**

This study was aimed to identify the process of dissolution of marriage procedures provided for in the Administration of Islamic Law in Singapore. This study used data analysis methods, interviews and complaint forms at the Singapore Islamic Religious Department. The results of this study found that the steps that need to be done by the applicant for the dissolution of marriage, such as through a registration process or a suit for divorce through Qadi (Judge) then to the intermediate stage, the next stage of PTC and generic trial. The findings revealed to the public in Singapore in particular, that legal literacy to Islamic family law, so that the victims are protected and receive fair justice

**Keywords:** Dissolutin of Marriage, Islamic Law, Singapore

---

<sup>\*</sup> Doctor Degree, of Shariah and judicature, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>\*\*</sup> Assoc. Prof. of Shariah and judicature, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia

## ***Pembubaran Perkahwinan Dalam Peruntukkan Undang-undang Keluarga Islam di Singapura***

*Mahyidin Hamat\* & Zuliza Kusrin\*\**

\* Calon Doktor Falsafah, Jabatan Syarian dan Kehakiman, Fakulti Pengajian Islam, (UKM)

\*\* Profesor Madya, Jabatan Syarian dan Kehakiman, Fakulti Pengajian Islam, (UKM)

### **Abstrak**

Kajian ini dibuat bertujuan bagi mengenal pasti proses prosedur pembubaran perkahwinan yang diperuntukkan dalam Akta Pentadbiran Hukum Islam di Singapura. Kajian ini menggunakan kaedah analisis data, temubual dan borang aduan Jabatan Agama Islam di Singapura. Hasil kajian ini didapati langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pemohon bagi membubarkan perkahwinan seperti melalui proses pendaftaran cerai, atau saman kemudian ke peringkat perantaraan, peringkat PTC dan seterusnya ke peringkat perbicaraan. Dapatan kajian ini mendedahkan kepada masyarakat Singapura khususnya, supaya celik hukum terhadap undang-undang keluarga Islam, supaya mangsa yang terlibat terbela dan mendapat keadilan saksama.

**Kata kunci:** Pembubaran Perkahwinan, Shariah Islamiyyah, Singapura

## SEJARAH LATARBELAKANG PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SINGAPURA

Pentadbiran Perundangan Keluarga Islam Singapura telah bermula sejak Singapura berada dalam jajahan British, serupa dengan apa yang digunakan oleh negeri-negeri Melayu jajahan British. Singapura adalah sebuah dari negeri-negeri Selat yang kemudiannya telah dipisahkan oleh British pada tahun 1946 (Hooker, 1991: 126).

Pada tahun 1957 satu jawatankuasa untuk mengkaji dan menggubal undang-undang baru telah dibentuk. Ahli Panel yang dilantik terdiri dari pakar-pakar perundangan, peguam, kadi dan para ulama seperti Prof. Ahmad Ibrahim, Encik M.J Namazie, Tuan Shaikh Fadhlullah Suhaimi, Tuan Haji Jubir bin Amin, Tuan Haji Ali bin Said Salleh, Syed Abdullah bin Shaik Belfaqih, B.A Mallal dan Shaik Hussain Khatib (Hooker, 1991: 120).

Hasil daripada kajian jawatankuasa ini, satu akta pentadbiran hukum Islam telah disusun dan dikenali dengan nama Muslims Ordinance. Ia dijadikan undang-undang pada 30 Ogos 1957 dan dilaksanakan pada 24 September 1958. Dengan wujudnya akta ini maka tertubuhlah Mahkamah Syariah di Singapura. Bidang kuasanya terhad dalam isu berkaitan perkahwinan, penceraian yang meliputi talak, taklik, fasakh dan khuluk (Sallim, 2002: 137).

Pada 17 Ogos 1966 Parlimen Singapura telah meluluskan *Akta Pentadbiran Hukum Islam 1966* (*Republic of Singapore Government Gazette Acts Supplement*, 1996, 2 September) untuk menggantikan akta sebelumnya iaitu *Muslim Ordinance*. Akta ini digubal oleh al-Marhum Profesor Ahmad Mohammed Ibrahim yang ketika itu bertugas sebagai Peguam Negara Singapura. Akta ini juga dikenali dengan nama AMLA iaitu singkatan dari kata nama asal *The Administration of Muslim Law Act 1966*. Akta ini masih digunakan sehingga hari ini dengan beberapa pindaan dibuat dari masa ke semasa.

Dengan penguatkuasaan akta ini yang telah diluluskan oleh Parlimen Singapura pada 17 Ogos 1966 maka terbentuklah Majlis Ugama Islam Singapura pada tahun 1968 yang juga dikenali dengan singkatan nama MUIS. Pada tahun 1999, Akta ini dipinda dan ditambah lagi dengan beberapa kuasa yang bersesuaian dengan tuntutan keadaan semasa. Dengan pindaan ini, telah meningkatkan lagi keupayaan Mahkamah Syariah untuk menyelesaikan kes-kes tuntutan cerai dan isu-isu sampingan dengan lebih baik dan berkesan (Sallim, 2002: 141).

## AKTA PENTADBIRAN HUKUM ISLAM SINGAPURA (AMLA)

### 1. Mahkamah Syariah Singapura

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini Mahkamah Syariah Singapura ditubuhkan pada tahun 1958. Ia dibentuk setelah Akta Muslims Ordinance dikuatkuasakan menjadi Undang-undang Pentadbiran Islam. Bidang kuasa yang diperuntukkan adalah terhad kepada perkara-perkara perkahwinan dan penceraian yang meliputi talak, taklik, *fasakh* dan *khulu'* (*Kamus Dewan*, 2005: 134).

Pada tahun 1966, akta tersebut digantikan dengan Akta Pentadbiran Hukum Islam 1966 yang telah diluluskan oleh Parlimen Singapura pada 17 Ogos 1966. Bidang kuasa yang diperuntukkan bertambah luas. Selain dari soal perkahwinan dan penceraian, isu pelupusan dan pembahagian harta pusaka, nafkah dan hak penjagaan anak boleh didengar dan diputuskan di mahkamah tersebut (Ismail Roziz, 2007).

## 2. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Singapura

Mahkamah Syariah di Singapura telah diperuntukkan dengan bidang kuasa seperti berikut ( (AMLA 1966, Seksyen 35 Bab 3):

2.1 Mahkamah ini akan mempunyai bidang kuasa di seluruh Singapura dan akan diketuai oleh seorang Presiden yang akan dilantik oleh Presiden Singapura.

2.2 Mahkamah akan mendengar dan memutuskan segala tindakan dan perkara di mana semua pihak yang terlibat adalah orang-orang Islam atau jika pihak-pihak yang terlibat telah berkahwin di bawah peruntukkan hukum Islam, dan yang melibatkan pertikaian berkaitan dengan:

(a) Perkahwinan;

(b) Penceraian yang diketahui dalam hukum Islam sebagai fasakh, cerai taklik, khuluk dan talak;

(c) Pertunangan, pembatalan perkahwinan atau pemisahan kehakiman;

(d) Pelupusan atau pembahagian harta selepas penceraian; atau

(e) Bayaran mas kahwin, nafkah dan mutaa.

2.3 Dalam semua perkara berkaitan dengan pertunangan, perkahwinan, pembubaran perkahwinan termasuk talak, cerai taklik, khuluk dan fasakh, pembatalan perkahwinan atau pemisahan kehakiman, perlantikan hakam, pelupusan atau pembahagian harta apabila bercerai, bayaran mas kahwin dan mutaa dan bayaran nafkah semasa bercerai, undang-undang yang digunakan untuk memutuskan sesuatu perkara ialah hukum Islam sebagaimana yang diubah, mana-mana yang dapat dipakai oleh adat dan resam Melayu, jika pihak-pihak yang berkenaan itu merupakan orang-orang Islam atau telah berkahwin di bawah peruntukkan hukum Islam – tertakluk kepada peruntukkan akta ini.

Selain itu, Mahkamah Syariah juga mempunyai kuasa memberi kebenaran untuk memulakan atau meneruskan prosiding sivil yang melibatkan pelupusan atau pembahagian harta selepas bercerai atau melibatkan jagaan anak-anak (AMLA 1966, Bab 3.seksyen 35A):

1) Apabila atau selepas prosiding cerai dimulakan di mahkamah atau selepas mahkamah mengeluarkan perintah cerai atau apabila atau selepas penceraian didaftarkan di bawah seksyen 102, seseorang yang hendak memulakan prosiding sivil di mana-mana mahkamah, yang melibatkan apa jua perkara yang berkaitan dengan pelupusan atau pembahagian harta selepas bercerai atau jagaan seseorang anak – jika kedua-dua belah pihak merupakan orang Islam atau telah bernikah di bawah

peruntukkan hukum Islam – hendaklah bermohon kepada mahkamah untuk mendapatkan kebenaran memulakan prosiding sivil tersebut.

2) Jika prosiding cerai sudah pun dimulakan di mahkamah atau perintah cerai dibuat oleh mahkamah atau penceraian didaftarkan di bawah seksyen 102 selepas prosiding sivil antara pihak-pihak yang sama dimulakan di mana-mana mahkamah yang melibatkan apa juga perkara yang berkaitan dengan jagaan seseorang anak, maka mana-mana pihak yang hendak meneruskan prosiding sivil itu hendaklah bermohon kepada mahkamah untuk mendapatkan kebenaran meneruskan prosiding sivil itu.

3) Mahkamah tidak akan memberikan kebenaran untuk memulakan prosiding sivil di bawah subseksyen (1) atau untuk meneruskan prosiding sivil di bawah subseksyen (2) melainkan mahkamah berpuas hati bahawa setiap pihak yang akan terjejas oleh kebenaran sedemikian itu sudah pun diberitahu mengenai permohonan tersebut sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum kebenaran sedemikian diberikan.

4) Jika mahkamah meluluskan permohonan untuk mendapatkan kebenaran di bawah subseksyen (1) atau (2), maka mahkamah akan mengeluarkan surat memulakan atau meneruskan prosiding kepada pemohon:

- (a) tidak lewat daripada 21 hari selepas kebenaran sedemikian diberikan, atau
- (b) jika rayuan terhadap pemberian kebenaran sedemikian telah dibuat di bawah seksyen 55, apabila keputusan mahkamah untuk memberi kebenaran sedemikian telah disahkan berikutan rayuan, atau apabila rayuan itu tidak diteruskan.

5) Seksyen ini tidak akan dipakai jika pihak yang terlibat dalam prosiding sivil;

- (a) yang tersebut dalam subseksyen (1) bersetuju supaya prosiding sivil itu dimulakan, atau yang tersebut dalam subseksyen (2) bersetuju supaya prosiding sivil itu diteruskan, dan
- (b) yang tersebut dalam subseksyen (1) atau (2) telah mendapatkan surat kedatangan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (7).

6) Sebelum memulakan atau meneruskan prosiding sivil mengikut persetujuan yang dicapai antara kedua-dua belah pihak, maka pihak-pihak yang tersebut dalam subseksyen (1) atau (2) hendaklah mengikut kaunseling yang diberikan oleh seseorang yang dilantik oleh mahkamah.

7) Sesudah pihak-pihak yang berkenaan itu diberikan kaunseling di bawah subseksyen (6), mahkamah akan mengeluarkan surat kedatangan kepada pihak tersebut.


### **Pelaksanaan Pembubaran Perkahwinan di Singapura**

Seksyen 52(3) dalam Akta Pentadbiran Hukum Islam Singapura (AMLA) menerangkan kuasa yang boleh didengar dan diputuskan di Mahkamah Syariah. Seksyen 52(3) (Mahkamah Syariah Singapura, 2006: 15) menyatakan:

“Pada sebarang peringkat prosiding atau setelah dekri atau perintah dibuat dalam sesuatu permohonan cerai, mahkamah boleh mengeluarkan perintah sebagaimana yang difikirkannya wajar berkenaan dengan:

- (a) Bayaran mas kahwin kepada si isteri,
- (b) Bayaran saguhati atau mutaah kepada isteri,
- (c) Jagaan anak, nafkah dan pendidikan anak-anak yang belum dewasa kedua-dua belah pihak, dan
- (d) Pelupusan atau pembahagian harta tatkala bercerai.”

**Prosedur Mahkamah**



Rajah 0.1 Prosedur Mahkamah Syariah Singapura

### Prosedur Pendaftaran

Apabila ada pasangan suami isteri membuat pendaftaran berhubung masalah rumahtangga di Mahkamah Syariah, setiap pasangan itu perlu menjalani sesi kaunseling selama dua hingga empat bulan. Namun sekiranya perceraian masih lagi menjadi keputusan bagi salah satu pasangan, maka pegawai Mahkamah akan menerangkan implikasi-implikasi perceraian serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk bercerai secara damai sepertimana yang dituntut oleh Islam. Kes mereka akan dipindahkan ke peringkat Mahkamah. Permohonan untuk berpisah boleh dibuat dengan dua cara (Mohammed Lutfi Hussin, 2007):

#### a) Permohonan cerai melalui kadi.

Permohonan ini hanya boleh dibuat jika pasangan memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Kedua-dua pihak suami dan isteri bersetuju untuk berpisah.
- ii) Pasangan tidak mempunyai anak dan rumah bersama.
- iii) Pasangan telah bersetuju jumlah pembayaran nafkah idah dan mutaah seperti yang perlu dibayar oleh suami kepada isteri.
- iv) Selain dari syarat di atas, ia juga tertakluk pada pindaan dan prosedur Mahkamah yang baru.

Pegawai Mahkamah akan membuat satu lakaran surat persetujuan pasangan tersebut untuk berpisah. Kemudian satu tarikh akan ditetapkan untuk pendaftaran cerai mereka di hadapan kadi. Perceraian melalui kadi selesai tanpa perlu kepada perbicaraan kes.

#### b) Permohonan cerai melalui saman.

Sekiranya pasangan tidak memenuhi syarat-syarat untuk mendaftarkan cerai melalui kadi, pasangan perlu mendaftarkan permohonan cerai dengan cara membuka saman. Pendaftaran ini dibuat di Mahkamah Syariah dan pasangan perlu membuat perkara berikut:

- i) Plaintiff (suami atau isteri) yang membuka saman dikehendaki membayar pendaftaran saman, mengisi borang pernyataan kes (case statement) dalam Borang 7 dan mengangkat sumpah.
- ii) Pegawai Mahkamah akan memberikan salinan saman kepada plaintiff bersama tarikh sesi pengantaraan.
- iii) Defendan (suami atau isteri) dikehendaki menandatangani surat saman yang telah dikeluarkan oleh pasangannya dan mengisi borang pernyataan bela diri (defence statement), jika beliau hadir semasa saman dibuat.



iv) Jika pihak defendan tidak hadir semasa saman dibuka, maka pegawai Mahkamah akan menyerahkan saman tersebut kepada defendan melalui alamat yang diberikan.

v) Setelah menerima surat saman, defendan dikehendaki mengisi borang pernyataan bela diri dan mengembalikannya kepada Mahkamah dalam tempoh 21 hari (Mahkamah Syariah Singapura, 2006: 45).

### Peringkat Pengantaraan (Mediation)

Setelah empat minggu saman dikeluarkan, kedua-dua pasangan dikehendaki untuk hadir ke Mahkamah bagi sesi pengantaraan, pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan di dalam saman tersebut. Pada peringkat ini, isu penceraian dan perkara-perkara yang berhubung dengan penceraian akan dibincangkan seperti (Mahkamah Syariah Singapura, 2006: 47):

- 1) Hak penjagaan anak dan hak lawatan anak,
- 2) Pembahagian harta sepencarian seperti rumah,
- 3) Jumlah nafkah idah,
- 4) Jumlah mutaah.

Proses ini menjimatkan masa, tenaga dan kos kerana pasangan tidak perlu berulang-alik ke mahkamah. Seorang pengantara yang tidak menyebelahi mana-mana pihak akan membantu pasangan mencari kata sepakat bagi mendapatkan persetujuan mereka berkaitan empat perkara yang dinyatakan. Jika kedua-dua pihak dapat mencapai satu persetujuan di peringkat ini, maka pengantara akan membuat satu lakaran surat persetujuan bersama dan kedua-dua pihak akan mengangkat sumpah di hadapan hakim bagi pengesahan persetujuan tersebut. Seterusnya hakim akan mengarahkan pendaftaran cerai mereka dan proses penceraian diselesaikan pada hari itu juga (Albakri Ahmad, 2007).

Pengantaraan adalah bertujuan untuk:

i) Membantu pasangan menyelesaikan proses penceraian mereka dengan jalan yang singkat (sekiranya kedua-dua pihak suami isteri ada persetujuan bersama).

ii) Pasangan yang ingin kes mereka diselesaikan di peringkat pengantaraan, mereka perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

-Kedua-dua pihak bersetuju untuk berpisah.

-Kedua-dua pihak bersetuju dengan isu nafkah idah (Nafkah idah adalah nafkah berupa wang yang diwajibkan kepada suami ke atas isterinya bermula dari suami melafazkan talak sehingga selesai keuzuran isteri (haid) sebanyak tiga kali suci) dan mutaah (Mutaah adalah sebagai bayaran pampasan atau suguhati yang diberi oleh suami kepada bekas isterinya yang dicerai) (*Kamus Dewan*, 2005).

-Kedua-dua pihak bersetuju dengan hak penjagaan anak.

-Kedua-dua pihak bersetuju dengan pengagihan harta sepencarian (seperti rumah).

i) Pasangan tidak perlu melalui proses perbicaraan di dalam Mahkamah, dengan ini mereka dapat mengelakkan sebarang kesulitan dalam proses penceraian, tekanan jiwa dan perasaan terhadap diri dan anak mereka.

ii) Membantu pasangan untuk memahami segala isu berhubung penceraian dengan lebih terperinci, agar mereka dapat membuat keputusan yang tepat.

iii) Pasangan dapat menjimatkan kos-kos tambahan jika kes mereka selesai di peringkat pengantaraan.

iv) Jika timbul isu-isu berkaitan anak dan rumah setelah bercerai, masalah ini akan lebih mudah dibincangkan, kerana pasangan mampu menghuraikan masalah mereka sendiri.

v) Tiada paksaan, kerana keputusan penceraian ditentukan oleh pasangan dan bukannya Mahkamah.

vi) Segala keaiban individu dapat dihindarkan dari terbongkar di dalam perbicaraan.

Pengantaraan merupakan salah satu proses yang digalakkan di dalam agama Islam, khususnya dalam mencari keputusan secara damai. Dalam al-Qur'an ada dijelaskan tentang perdamaian antara suami isteri. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa' (5:128):

وَإِنْ أَمْرًا خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا  
وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا  
تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

#### Maksudnya:

"Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu pada menurut tabiatnya kikir, dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimu (dari nusyuz dan sikap acuh tak acuh), maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan" (Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. 2001).

Islam menggalakkan setiap permasalahan yang berlaku dihuraikan dengan cara perdamaian, kerana dengan ini akan hilanglah sifat permusuhan, benci-membenci, tuduh-menuduh, kata-mengata di antara dua pihak tersebut. Ia juga dapat mewujudkan sifat saling hormat-menghormati di antara satu sama lain walaupun setelah berpisah, sehingga isu berhubung kebajikan anak dapat diselesaikan dengan adil dan saksama.

### Peringkat PTC (Pra-Perbicaraan)

Tetapi jika pasangan tetap tidak dapat mencapai satu persetujuan di peringkat pengantaraan, maka kes mereka akan dipindahkan ke peringkat pra-perbicaraan (Pre-Trial Conference-PTC). Di peringkat ini, kes mereka hanya akan didengar dalam waktu satu hingga dua bulan. Pasangan juga digalakkan untuk mendapatkan bantuan peguam (mereka perlu mendapatkan peguam mereka sendiri), kerana banyak perkara-perkara yang bersangkutan dengan perundangan akan dibincangkan di peringkat ini.

Di peringkat ini, pasangan akan bertemu dengan seorang Pendaftar Mahkamah untuk perbincangan selanjutnya berhubung perkara-perkara berikut (Mahkamah Syariah Singapura, 2006: 49):

- i) Hak penjagaan anak-anak
- ii) Hak lawatan anak-anak (access)
- iii) Mengubah permohonan “case statement” dan “defence statement”
- iv) Memansuhkan, memotong kandungan dokumen atau affidavit yang diserahkan kepada mahkamah
- v) Melanjutkan atau mengurangkan waktu perbicaraan
- vi) Mengenenpikan perintah / permohonan
- vii) Menimbang permohonan yang penting

Bagi pasangan yang ingin memohon mendapatkan kuasa sementara (Interim Access-Custody) berhubung hak penjagaan anak sebelum perbicaraan, mereka perlu membuat permohonan dengan menyertakan dokumen affidavit dan memfailkannya kepada mahkamah dan pasangannya dalam tempoh tiga hari.

### Peringkat Perbicaraan

Setelah melalui proses pengantaraan dan PTC tanpa mencapai sebarang persetujuan, maka satu tarikh perbicaraan akan ditetapkan untuk kes mereka. Di peringkat ini, mahkamah akan mendengar segala tuntutan berhubung isu-isu yang tiada persetujuan bersama, seperti (Mahkamah Syariah Singapura, 2006: 49):

- (i) Penceraian,
- (ii) Nafkah idah,
- (iii) Mutaah,
- (iv) Hak penjagaan dan lawatan anak-anak,
- (v) Harta sepencarian (rumah).

### Peraturan Perbicaraan

Ada beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh pasangan semasa menghadiri perbicaraan. Sebahagian dari perkara dan peraturan yang perlu diberikan perhatian adalah:

i) Mendapatkan khidmat Peguam, bagi pasangan yang tidak berkemampuan, iaitu jika pendapatan bulanan mereka di antara \$800-\$1000 atau kurang, dan simpanan mereka kurang dari \$3000, maka mereka boleh memohon mendapatkan khidmat Biro Bantuan Guaman (Legal Aid Bureau). Khidmat peguam ini perlu dibuat semasa di peringkat pengantaraan (Pengantaraan adalah satu proses mahkamah di mana pasangan berusaha menyelesaikan masalah berhubung perceraian mereka melalui seorang pengantara secara damai tanpa perlu kes mereka dibicarakan di hadapan hakim) atau pra-perbicaraan (PTC) (*Pre Trial Conference*: adalah sesi sebelum perbicaraan, di peringkat ini seorang pendaftar akan bertemu dengan kedua pasangan bagi membincangkan isu-isu berhubung perceraian dengan lebih terperinci lagi sebelum kes mereka dibicarakan di hadapan hakim ).

ii) Bagi pasangan yang tidak mahu mendapatkan khidmat peguam, mereka tetap berhak mewakili diri mereka sendiri.

iii) Membawa bersama segala dokumen-dokumen, bahan bukti atau hujah yang bersangkutan di dalam perbicaraan, sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar di peringkat PTC.

iv) Berpakaian sopan dengan menutup aurat sewaktu menghadiri perbicaraan.

v) Berkelakuan sopan semasa di dalam mahkamah, adab sopan semasa di dalam mahkamah akan diterangkan oleh Pegawai mahkamah atau peguam pasangan.

vi) Tidak perlu membawa saksi atau anak-anak melainkan jika diarahkan oleh mahkamah.

(vii) Menghadirkan diri setengah jam sebelum waktu perbicaraan.

### Peringkat Hakam

Sebahagian dari kes-kes yang telah dibicarakan oleh hakim perlu melalui proses hakam. Dalam proses ini, pasangan diwakili oleh hakam atas sebab-sebab berikut (Mahkamah Syariah Singapura, 2006: 51):

i) Isteri memohon untuk berpisah dengan dasar ta'lik, tetapi setelah dibicarakan, ahkim dapati ta'lik itu tidak sabit.

ii) Suami tidak mahu menceraikan isterinya dan belum melafazkan talak, tetapi isteri tetap inginkan perceraian.

iii) Hakim sendiri merasakan (berpendirian) pasangan ini perlu melalui proses hakam.

### Lembaga Rayuan

Setelah Hakim membuat keputusan berhubung dengan isu-isu perceraian seperti hak jagaan anak, harta sepencarian dan tuntutan nafkah idah dan mutaah, dan jika salah seorang dari pasangan yang dibicarakan, tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah ditetapkan, maka pasangan tersebut

berhak membuat rayuan di Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah Majlis Ugama Islam Singapura (Ahmad Ibrahim, 1984: 277).

Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan yang telah dibuat oleh Hakim dengan membuat bersama dokumen seperti berikut:

- i) Kad pengenalan,
- ii) Surat perintah mahkamah,
- iii) Wang pendaftaran.

## Kesimpulan

Dalam prosiding perceraian di Singapura, mestilah melalui dua proses perceraian iaitu cerai melalui kadi dan cerai melalui saman. Sekiranya permohonan perceraian melalui saman, pemohon mestilah melalui beberapa peringkat proses perceraian iaitu:

### 1. Peringkat perantaraan

Pemohon mestilah hadir ke mahkamah pada hari dan waktu yang ditetapkan, dan kes-kes seperti hak jagaan, nafkah idah, muta'ah dan harta sepencarian akan dibincangkan.

### 2. Peringkat PTC

Sekiranya peringkat perantaraan tidak dapat dicapai, seterusnya akan dibicarakan ke peringkat PTC. Peringkat ini akan dibicarakan dalam tempoh sebulan atau dua bulan lagi. Pada peringkat ini juga, plaintif perlu kepada bantuan guaman dalam mengendalikan perceraian.

### 3. Peringkat Perbicangan

Pada peringkat ini segala yang berkaitan dengan perceraian akan diputuskan.

### 4. Lembaga Rayuan

Sekiranya ada pihak yang tidak berpuas hati (plaintif atau defenden) dengan keputusan mahkamah, mereka boleh membuat bantahan di Lembaga Rayuan. Bantahan ini mestilah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh keputusan yang dibuat oleh hakim.

Dalam mengendalikan kes-kes perceraian atau pembubaran perkahwinan, mahkamah membuat penilaian terhadap pihak yang terlibat iaitu suami, isteri dan anak. Semua mestilah mendapat pembelaan walaupun berlakunya perceraian. Sebagai contoh, anak mendapat hak penjagaan, isteri mendapat muta'ah dan harta sepencarian sementara suami mendapat hak lawatan.

### Rujukan

Al-Qur'an.

**Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an.** 2001. Cet. 12. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

**Kamus besar Arab-Melayu Dewan.** 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

**Buku Panduan Pernikahan Dan Penceraian Singapura.** 2006. Singapura: Mahkamah Syariah Singapura

M.B Hooker, nd. **Undang-Undang Islam di Asia Tenggara,** DBP, Kuala Lumpur,

Prof. Ahmad Ibrahim. 1984. **Family Law In Malaysia And Singapore.** Cet. 2. Singapura: Malayan Law Journal PTE. LTD.

Sallim Bin Jasman. 2002. **Pembangunan Undang-undang di Rantau Asean.** Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Akta Pentadbiran Hukum Islam Singapura 1966 (AMLA)

### Temubual

Albakri Ahmad. Pengarah Kanan Pembangunan dan Keupayaan dan Dekan Akademi. 14 Disember 2007. Majlis Ugama Islam Singapura, 1 Lorong 6 Toa Payoh, Singapura 319376.

Mohammed Lutfi Hussin. Peguam Syarie. 13 Disember 2007. Lutfi Law Corporation, Blok 500 Lorong 6 Toa Payoh, #04-37 HDB Hub, Singapura 310500.

Ismail Roziz. Naib Presiden II Jamiyah Singapura. 12 Disember 2007. Jamiyah Singapura, 31 Lorong 12 Geylang Singapura 399006.